

# Cekup 68 warga asing di Nilai 3

**Nilai:** Sekumpulan warga-negara asing ibarat cacing kepanasan dan tidak senang duduk selepas melihat kenderaan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) memasuki kawasan pusat perniagaan Nilai 3, di sini, jam 11 pagi semalam.

Malah ada dalam kalangan mereka dilihat meninggalkan premis perniagaan masing-masing sebelum menghilangkan diri.

Tidak kurang ada yang memegang telefon bimbit masing-masing dipercayai menaip SMS untuk memberi amaran mengenai kehadiran JIM kepada rakan mereka yang bekerja secara haram di negara ini.

Pusat perniagaan yang luas dan terbuka menyebabkan kehadiran penguat kuasa JIM mudah dikesan.



**PENGUAT** kuasa JIM memeriksa pasport warga asing.

**WARGA** asing ditahan dalam premis perniagaan.

san warganegara asing khususnya yang bekerja secara haram. Namun, hasil pemeriksaan Op Bersepadu dijalankan, JIM menahan 68 warganegara asing termasuk mereka

cuba meloloskan diri menggunakan kenderaan. Dua warganegara Pakistan ditahan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) ketika

tika cuba meloloskan diri dengan memandu kenderaan masing-masing. Ketua Pengarah Imigresen Malaysia, Datuk Khairul Dzamee Daud berkata, operasi ke-59 tahun ini di Nilai

lai turut dibantu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), JPJ dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

"Kami periksa 39 premis dan 298 warganegara asing, ha-

silnya 68 dikesan menggunakan dokumen meragukan dan ditahan untuk semakan serta semakan lanjut.

"SSM pula mengeluarkan 14 notis kepada premis perniagaan atas pelbagai kesalahan," katanya.

Khairul berkata, dalam operasi kali ini pihaknya mengesan banyak dokumen diragui kesahihan dan ketulenannya.

"Persepsi masyarakat di negara ini apabila seseorang kawasan dibanjiri orang asing ramai anggap mereka pendatang haram.

"Tanggapan itu kurang tepat kerana ramai dalam kalangan warganegara asing ini sebenarnya memiliki dokumen yang sah," katanya.

Mengikut pecahan individu ditahan adalah 51 adalah warganegara Pakistan, Myanmar (9), Bangladesh (7) dan seorang berasal daripada Kemboja.

WARGA asing yang diperiksa dalam Op Bersepadu di sekitar pusat perniagaan Nilai 3, semalam.

